

Asian Social Work Journal (ASWJ)

Volume 2, Issue 1, September 2017

Journal home page:
www.msosocialwork.com

Hubungan Antara Populariti Rakan Sebaya dan Estim Diri dengan Sikap Tingkah Laku Seksual dalam kalangan Remaja Hamil Luar Nikah

Nor Jumawaton Shahrudin¹, Mariani Mansor¹, Zainal Madon¹, Hanina Halimatusaadiyah Hamsan²

¹Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

² Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

Correspondence: Nor Jumawaton Shahrudin (norjumawatonshahrudin@yahoo.com)

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan di antara populariti rakan sebaya dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Seramai 130 remaja perempuan yang hamil luar nikah berumur 14 hingga 19 tahun dari empat buah Institusi Perlindungan dan Pemulihan di negeri Selangor, Perak, Johor dan Kelantan terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak berlapis. Kajian ini menggunakan tiga soal selidik iaitu Inventori Tekanan Rakan Sebaya, Populariti dan Pematuhan (Santor, Messervey dan Kusumakar, 2000), Skala Estim Diri Rosenberg (Rosenberg, 1965) dan Skala Ringkas Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual (Hendrick & Reich, 2006). Kesemua alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini menghasilkan nilai Pekali Alpha Cronbach antara 0.82 hingga 0.90. Dapatan kajian menunjukkan tahap populariti rakan sebaya di tahap tinggi, tahap estim diri yang tinggi dan sikap tingkah laku seksual berada di tahap yang tinggi. Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan perkaitan signifikan antara populariti rakan sebaya ($r = .801$, $p < .05$) dan estim diri ($r = .708$, $p < .05$) dengan sikap tingkah laku seksual. Analisis bootstrapping dijalankan mengesahkan peranan estim diri sebagai pengantara dalam hubungan antara populariti rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual. Kesimpulannya, populariti rakan sebaya dan estim diri mempunyai hubungan dengan sikap tingkah laku seksual. Kajian menunjukkan bahawa faktor risiko seperti penerimaan oleh kelompok rakan sebaya mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap tingkah laku seksual. Dalam masa yang sama, kajian ini turut mencadangkan beberapa alternatif dalam usaha membendung salah laku seksual di kalangan remaja masa kini.

Kata kunci: populariti rakan sebaya, estim diri, sikap tingkah laku seksual

Relationship Between Peer Popularity and Self-Esteem Among Young Pregnant Out of Wedlock

Abstract

This study examined the relationship between peers popularity and self-esteem within the attitude towards sexual behaviour among young pregnant out of wedlock. A total of 130 teenagers pregnant out of wedlock aged between 14 years and 19 years from 4 welfare institutions in the states of Selangor, Perak, Johor and Kelantan participated in this research. Respondents were selected using stratified

random sampling technique. This study utilises the three questionnaires of the Inventory Peer Pressure, Popularity, and Conformity Scale (Santor, Messervey & Kusumakar, 2000), the Rosenberg Self-Esteem Scale (Rosenberg, 1965) and Brief Sexual Attitudes Scale (Hendrick & Reich, 2006). All instruments used had yielded a Cronbach's alpha reliability coefficient value ranging from 0.82 to 0.90. Findings revealed that the level of peers popularity is high, level of self esteem also high and respondents indicated a high level of attitude sexual behavior. Results of Pearson's correlation analysis revealed that there were significant relationships between peers popularity and attitudes toward sexual behavior ($r = .801, p < .05$) and a significant correlation between self esteem and attitude sexual behavior ($r = .708, p < .05$). Bootstrapping analysis revealed the role of self esteem as a mediator variables of peers popularity and self esteem with sexual attitude behavior. From the theoretical implications, this study describes the role of self esteem as a mechanism that effect the popularity of peer sexual behavior and attitude. In conclusion, peers popularity and self esteem related to sexual attitude and behavior. The study showed that risk factors such as the acceptance by the peer group have a significant direct effect on sexual behavior. At the same time, this study also suggests several alternatives in order to curb sexual misconduct among the teenagers today.

Key words: peer popularity, self esteem, attitude sexual behavior

Pengenalan

Kesinambungan serta kelangsungan sesebuah negara dan bangsa adalah ditentukan oleh generasi mudanya. Sebagai aset negara, kerajaan komited melaksanakan pelbagai dasar bagi memastikan usaha ke arah penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dapat dipupuk dalam kalangan generasi muda. Melalui Dasar Belia Malaysia 2015, kerajaan menetapkan matlamat untuk "Memperkuh dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berpanduan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara". Melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), salah satu strategi yang menjadi tumpuan utama adalah bagi mempercepat pembangunan modal insan selaras untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpaksaan rakyat.

Walau bagaimanapun isu remaja hamil luar nikah dan pembuangan bayi mendapat liputan meluas di media massa seakan memberi tamparan hebat kepada pembangunan Malaysia khususnya dalam aspek pembangunan sosial. Ini mewujudkan persepsi kepada segelintir masyarakat bahawa generasi muda hanyalah liabiliti berbanding aset kepada negara. Ini adalah kerana, beberapa faktor luaran serta dalaman remaja seperti kelemahan sistem kekeluargaan serta daya tahan yang lemah dalam diri tidak diambil kira oleh masyarakat. Menyalahkan generasi muda tanpa merawat punca permasalahan bukanlah satu tindakan yang adil. Kelemahan sedia ada perlu diatasi melalui komitmen semua pihak agar risiko penularan gejala sosial khususnya tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia dapat diatasi. Walau pun terdapat pelbagai kajian yang dijalankan mengenai pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia, namun ia lebih tertumpu kepada persepsi remaja terhadap sikap dan tingkah laku seksual yang mana responden kajian terdiri daripada remaja di Sekolah ataupun di Universiti tetapi tidak difokuskan kepada remaja perempuan hamil luar nikah sendiri (Mahirah Masdin dan Balan Rathakrishnan, 2014). Alasan kepada kurangnya kajian yang melibatkan belia hamil luar nikah sebagai responden kajian dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan sikap tingkah laku seksual dilihat melalui kajian-kajian lepas. Menurut Basen-Engquist dan Parcel (1992), responden yang telah berpengalaman secara seksual, mempunyai sikap tingkah laku seksual yang lebih jelas berbanding remaja yang belum pernah melakukan hubungan seksual.

Kajian mengenai pembentukan sikap tingkah laku seksual telah dimulakan sejak lebih 30 tahun yang lalu oleh Miller (1986). Miller berpendapat perkembangan sikap tingkah laku seksual bermula apabila perasaan dan keinginan yang mendalam terhadap perhubungan seksual wujud dalam diri. Berdasarkan Model Bioekologi (Bronfrenbrenner dan Ceci, 1994), perkembangan sikap tingkah laku seseorang

individu adalah hasil daripada interaksi multi sistem yang melibatkan empat komponen iaitu *process*, *person*, *context* dan *time*. *Process* merupakan bentuk interaksi dua arah antara individu dengan lingkungan yang signifikan termasuk ahli keluarga, rakan sebaya, guru, jiran tetangga dan sebagainya. *Person* adalah karektor individu yang terdiri daripada dorongan (*forces*) contohnya keinginan terhadap tingkah seksual, sumber (*resources*) pula bermaksud kemahiran mengawal keinginan seksual manakala tuntutan (*demands*) pula bermaksud faktor pelindung seperti hubungan yang rapat dengan ibu bapa serta faktor risiko seperti pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi pembentukan sikap tingkah laku seksual. *Contact* pula merupakan lapisan struktur yang mengelilingi individu di mana hubungan yang rapat antara ibu bapa dengan remaja akan menimbulkan kemesraan dan perasaan selamat dalam diri remaja. *Time* atau dikenali dengan istilah *microtime* bermaksud kejadian yang berlaku sepanjang hari atau minggu serta perubahan yang terjadi kepada masyarakat dalam sesuatu generasi ke sesuatu generasi. Sebagai contoh perubahan serta transisi kehidupan kita yang lebih kerap menggunakan media sosial contohnya internet dan *facebook* memberi implikasi terhadap komunikasi antara remaja dan ibu bapa.

Tinjauan Literatur

Berdasarkan Harden (2014), remaja membentuk sikap tingkah laku seksual kesan daripada ketidakmampuan mereka berfikir secara rasional baik buruk kesan perbuatan itu. Ini konsisten seperti yang dinyatakan Hanina (2010) bahawa pada peringkat perkembangan remaja, perkembangan pertama yang berlaku ialah perkembangan seksual dan reproduktif termasuk perubahan hormon dan perubahan fizikal remaja dan kemudian disusuli dengan perkembangan dalam kemahiran penaakulan. Remaja yang mendapat asas sosialisasi yang kukuh daripada keluarga dapat menyesuaikan diri dengan perubahan diri dengan lebih baik.

Coleman dan Hendry (1999) telah mengetengahkan tiga faktor utama yang mempengaruhi pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan belia iaitu faktor pengaruh rakan sebaya, hubungan dengan ibu bapa serta faktor diri sendiri. Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang penting terhadap tingkah laku remaja (Jaccard, Dittus, dan Gordon, 1998). Tingkah laku yang negatif yang sudah berputik dalam diri remaja akan diperteguhkan lagi apabila mereka bercampur dengan rakan-rakan yang bertingkah laku seksual (Jaccard, 2000). Pengaruh rakan sebaya menjadi lebih kuat apabila kedua-duanya mempunyai banyak ciri-ciri kesamaan dalam pelbagai dimensi (Leigh dan Andrews, 2002). Remaja juga berkecenderungan tinggi untuk terikut serta meniru tingkah laku rakan sebaya yang lebih popular serta dikenali dalam kalangan kelompok rakan sebaya (Santor, Messervey, dan Kusumakar 2000). Peniruan tingkah laku rakan sebaya adalah untuk mendapatkan peneguhan positif serta dianggap popular seperti model sosial yang ditiru selaras untuk menyesuaikan diri dengan tingkah laku dari segi minat dan matlamat yang sama (Cherie dan Berhane, 2012). Selain itu kajian oleh Dicine, Com dan Ity, (2010) mendapati pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan tingkah laku seksual khasnya apabila remaja menerima dan meniru tingkah laku tersebut sebagai tanda setia terhadap kelompok rakan sebaya.

Peniruan tingkah laku rakan sebaya adalah merupakan salah satu kaedah yang diaplikasikan oleh remaja demi untuk mendapatkan peneguhan positif serta dianggap popular seperti model sosial yang ditiru selaras untuk menyesuaikan diri dengan tingkah laku dari segi minat dan matlamat yang sama. Kajian yang dijalankan oleh Sanchez, Whittaker dan Hamilton, (2016) ke atas 438 remaja lelaki dan perempuan Mexico membuktikan bahawa populariti rakan sebaya secara tidak langsung dikaitkan dengan tingkah laku seksual dengan bermotifkan untuk diterima oleh kelompok rakan sebaya. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Santor, Messervey dan Kusumakar (2000) yang menyatakan antara faktor-faktor yang diambil kira oleh seseorang remaja untuk memilih rakan sebaya adalah faktor fizikal seperti cantik, aktif dan tegas.

Oleh yang demikian, seseorang remaja akan mengambil segala contoh yang dianggap baik dan popular yang ada pada rakan sebaya untuk ditiru serta dijadikan sebagai identiti diri. Tidak dapat dinafikan bahawa salah satu kaedah remaja memperoleh pengetahuan serta mempelajari tingkah laku tertentu adalah melalui pemerhatian tingkah laku sahabatnya. Remaja juga berkecenderungan tinggi untuk

terikut dengan tingkah laku rakan sebaya yang lebih popular dalam kelompok rakan sebaya serta rakan-rakan yang telah membentuk hubungan rapat dengannya.

Dapatan kajian oleh Broek, Deutz, Schoneveld, Burk dan Cillessen (2015) ke atas 314 remaja di Holland menunjukkan bahawa niat untuk menjadi popular dalam kalangan rakan sebaya adalah sangat berkait dengan tingkah laku seksual berisiko kerana status sosial remaja adalah memainkan peranan yang penting dalam pergaulan serta penerimaan dan sokongan rakan sebaya yang kukuh menyebabkan seseorang remaja berasa dihormati oleh kelompok rakan sebaya.

Antara salah satu punca yang membawa kepada masalah sosial remaja serta bertingkah laku negatif ini adalah faktor untuk mendapat penerimaan serta mengejar populariti dalam kalangan kelompok rakan sebaya. Dapatan kajian oleh Bongardt, Deković & Meeus, (2015) bertajuk "Meta-analisis Hubungan Antara Norma Rakan Sebaya dan Tingkah Laku Seksual Remaja" adalah bertujuan untuk mengkaji norma subjektif rakan sebaya iaitu norma deskriptif, norma injunksi dan tekanan rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual remaja. Dapatan kajian membuktikan ketiga-tiga norma tersebut mempengaruhi remaja dalam memilih kelompok rakan sebaya. Kajian ini mencadangkan bahawa kesan pemilihan rakan sebaya yang dianggap popular dan mempunyai status sosial yang tinggi akan mempengaruhi sikap tingkah laku seksual remaja sekiranya kelompok tersebut mengamalkan tingkah laku seksual berisiko.

Dapatan kajian di atas membuktikan bahawa aspek populariti rakan sebaya akan mempengaruhi perkembangan sikap tingkah laku seksual dalam diri remaja. Remaja terdedah dan mudah terikut dengan tingkah laku rakan sebaya yang dianggap popular. Selain itu remaja dilihat mudah terdedah dengan tingkah laku serta gaya dan fesyen yang digunakan oleh kelompok rakan sebaya dan pada akhirnya memberi implikasi terhadap tingkah laku remaja sehingga terpengaruh dan terjebak dalam masalah sosial. Terdapat kajian lepas yang menunjukkan remaja di negara membangun terpengaruh dengan populariti rakan sebaya melalui penggunaan dadah dan alkohol, merokok, cara berpakaian serta terikut dengan gaya tingkah laku rakan sebaya yang melakukan hubungan seksual bebas. Sehubungan itu, kajian ini akan melihat perkaitan faktor populariti rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah.

Tanggapan remaja bahawa populariti rakan sebaya akan meningkatkan estim diri mereka serta menimbulkan perasaan dihargai dan diterima menjadikan salah satu indikator terhadap pengaruh kepada tingkah laku seksual berisiko (Lansford, Dodge, Fontaine, Bates dan Pettit, 2014). Dapatan kajian yang dijalankan ke atas 517 remaja perempuan di Amerika menunjukkan remaja yang mempunyai estim diri yang rendah cenderung untuk mengikut tingkah laku remaja yang dianggap popular serta terlibat dengan tingkah laku seksual dan delinkuen kerana takut tidak diterima oleh kelompok rakan sebaya tersebut. Dapatan kajian juga membuktikan bahawa faktor risiko seperti penolakan oleh kelompok rakan sebaya memberi implikasi terhadap sikap serta tingkah laku remaja ke arah hubungan seksual berisiko. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penerimaan oleh kelompok rakan sebaya menjadi lebih kuat apabila kedua-duanya mempunyai banyak ciri-ciri kesamaan dalam pelbagai dimensi di akhirnya untuk meningkatkan perasaan dihargai dan diterima oleh rakan sebaya.


Walau bagaimanapun terdapat kajian lalu ke atas 778 remaja menunjukkan wujud perkaitan di antara pemboleh ubah populariti rakan sebaya dengan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja. Populariti rakan sebaya dalam aspek tingkah laku seksual akan membantu mempertingkatkan estim diri remaja. Kajian ini telah mengaplikasikan teori sosial kognitif dalam mempengaruhi tingkah laku remaja (De Bruyn dan Van Den Boom, 2005).

Faktor populariti rakan sebaya jelas memberi impak kepada pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja pada zaman globalisasi ini. Walau bagaimanapun, masih tidak wujud persetujuan yang tercapai tentang sejauh manakah faktor estim diri bertindak sebagai pengantara antara faktor populariti rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja (Pfitzner, Hoff, dan McElligott, 2003; Dicine, Com, dan Ity, 2010; Waggoner, Lanzi, & Klerman, 2012; Eggleston, Jackson, Hardee, dan Elizabeth, (2013). Jelas, dapat dilihat wujud kepelbagaian dapatan kajian berhubung sikap dan tingkah laku seksual antaranya disebabkan faktor norma dan

budaya sesuatu masyarakat yang berbeza. Oleh itu pengkaji mewujudkan persoalan iaitu, apakah perkaitan antara populariti rakan sebaya dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan yang hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia? Hal ini kerana, berdasarkan Model Bioekologi (Bronfrenbrenner dan Ceci, 1994) pengaruh sosial yang diterima oleh remaja melalui kelompok sistem yang pelbagai akan mempengaruhi sikap, kepercayaan, persepsi dan tingkah laku seksual dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu sikap tingkah laku seksual adalah penting untuk diukur bagi memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan serta penanaman sikap tingkah laku seksual seterusnya sebagai sumber maklumat untuk merangka intervensi yang sesuai bagi mencegah dan membentengi remaja Malaysia daripada terjerumus dalam fenomena ini (Basen dan Parcel, 1992). Faktor-faktor ini amat penting dan kelompokan terhadap kajian lalu menyebabkan permasalahan ini diberikan tumpuan. Ini berikutan populariti rakan sebaya dan estim diri dilihat boleh menjadi peramalan kepada sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia (Fauwaz Hasbullah, 2016). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan ke atas remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di Institut Perlindungan dan Pemulihan di Semenanjung Malaysia, diharapkan dapat mengisi kelompangan yang ketara dalam dapatan kajian lalu memberi dorongan kepada pengkaji untuk cuba menjadikan kajian ini sebagai kesinambungan daripada dapatan kajian lepas.

Oleh yang demikian, kajian ini mengaplikasikan Model Bioekologi Bronfrenbrenner dan Ceci, (1994) sebagai asas kepada kerangka konseptual dan pada akhirnya dapat memberi gambaran dan penjelasan dengan lebih terperinci mengenai sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Malaysia.

Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian



Metod Kajian

Sampel

Seramai 130 orang remaja hamil luar nikah yang berumur antara 14 hingga 19 tahun terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian dipilih dengan menggunakan prosedur pensampelan rawak berlapis kerana dipercayai kaedah pensampelan ini dapat mewakili objektif sesuatu kajian berkaitan fenomena yang dikaji serta dapat meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki iaitu remaja hamil luar nikah (Burns, 1990; Johnson & Christensen, 2004). Subjek dan penjaga telah menda tangani borang Penerangan dan Persetujuan Responden serta borang Penerangan dan Persetujuan Ibu Bapa dan Penjaga/Pusat Jagaan seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Universiti Untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia, Universiti Putra Malaysia sebelum terlibat dalam kajian. Sehubungan itu dalam menentukan subjek kajian, pengkaji telah mengguna pakai jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz sampel kajian agar bersesuaian serta mencukupi untuk

mencapai objektif sesuatu kajian (Isaac, & Michael, 1995; Sekaran, 2000 dan Chua, 2006).

Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan remaja perempuan hamil luar nikah yang ditempatkan di Institusi Perlindungan dan Pemulihan di empat buah negeri iaitu Selangor, Perak, Johor dan Kelantan.

Instrumen dan Prosedur

Satu set borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian digunakan untuk kajian ini iaitu 1) maklumat latar belakang responden, 2) Inventori Tekanan Rakan Sebaya, Populariti dan Pematuhan (Santor, Messervey dan Kusumakar, 2000), (kebolehpercayaan = 0.93), 3) Skala Estim Diri oleh Morris Rosenberg (1965), (kebolehpercayaan = 0.82) dan 4) Skala Ringkas Sikap Seksual oleh Hendrick, Hendrick, & Reich (2006) (kebolehpercayaan = 0.90) yang mengukur sikap terhadap perhubungan seksual. Kaedah terjemahan balik telah digunakan untuk menterjemahkan inventori tersebut ke dalam Bahasa Melayu menggunakan kaedah yang telah diperkenalkan oleh Brislin (1970).

Analisis Data

Statistik deskriptif telah digunakan untuk pemerihalan latar belakang responden dan pengukuran tahap perapatan ibu bapa-anak, tahap estim diri dan tahap sikap tingkah laku seksual belia hamil luar nikah. Seterusnya analisis inferensi iaitu korelasi Pearson dan digunakan untuk menguji perkaitan antara tiga pemboleh ubah iaitu perapatan ibu bapa-anak, estim diri dan sikap tingkah laku seksual. Manakala pengujian pengantara kajian ini telah mengaplikasikan analisis *bootstrapping* dengan mengaplikasikan perisian PROCESS Macro untuk SPSS (Model 4:Hayes 2013).

Dapatan Kajian

Analisis Deskriptif

Jadual 1 menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah adalah berbangsa Melayu, iaitu seramai 128 orang (98.5%), diikuti dengan bangsa India iaitu 1 orang (0.8%) manakala lain-lain bangsa juga mewakili 1 orang (0.8%). Majoriti remaja hamil luar nikah dalam kajian ini terdiri daripada remaja yang mempunyai pecahan umur di antara 16 hingga 17 tahun. Majoriti remaja hamil luar nikah dalam kajian ini terdiri daripada belia yang mempunyai pecahan umur di antara 16 hingga 17 tahun. Menurut Santrock (2008) remaja merupakan golongan yang sedang aktif melalui perkembangan seksual dengan perubahan semula jadi seks melalui perubahan biologi dalaman diri. Sehubungan itu, pada peringkat ini remaja akan berusaha meneroka, bereksperimen serta berfantasi tentang seksual (Steinberg, 2007).

Jadual 1 : Taburan Latar Belakang Responden (N = 130)

Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Bangsa		
Melayu	128	98.5
India	1	.8
Lain-lain	1	.8
Umur		
14-15	24	18.5
16-17	68	52.3
18-19	38	29.2
Bilangan Adik-beradik		
0-3	41	31.5
4-6	62	47.5
7-10	25	19.0
11 ke atas	2	2.0
Tahap Pendidikan		

UPSR	21	16.2
PMR/PT3	72	55.4
SPM	37	28.5
Sejarah Mengandung		
Pertama	120	92.3
Kedua	10	7.69

Data menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah iaitu 47.5% (62 orang) responden mempunyai bilangan adik beradik seramai 4 hingga 6 orang. Rigsby (1998) menyatakan remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai. Kajian oleh Alavi, Nen, Ibrahim, Mohamad dan Nordin (2012) mendapati remaja hamil luar nikah adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai iaitu melebihi 6 orang, merupakan antara punca belia mencari kasih sayang di luar akibat dipinggirkan oleh ibu bapa.

Data menunjukkan tahap pendidikan remaja hamil luar nikah adalah terdiri dari 16.2% (21 orang) mempunyai tahap pendidikan peringkat Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR), diikuti oleh 55.4% (72) mempunyai tahap pendidikan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)/Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3), manakala 28.5% (37 orang) mempunyai tahap pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam aspek sejarah mengandung pula, 92.3% (120 orang) responden adalah mengandung kali pertama manakala 7.69% (10 orang) mengandung buat kali kedua. Kajian oleh Collier (2009) juga menunjukkan belia yang pernah melahirkan anak luar nikah adalah 8 kali ganda cenderung untuk mengandung kembali dalam tempoh kurang daripada 24 bulan. Kajian yang sama juga mendapati remaja tersebut aktif secara seksual serta terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko serta gagal menggunakan kaedah kontrasepsi dengan berkesan.

Jadual 2 : Tahap Populariti Rakan Sebaya, Estim Diri dan Sikap Tingkah Laku Seksual

Pemboleh Ubah	Bilangan	Peratus	Purata	Sisihan Piawai
Populariti Rakan Sebaya				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.86	.346
Sederhana (2.34 - 3.66)	18	13.8		
Tinggi (3.67 - 5.00)	112	86.2		
Estim Diri				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.51	.501
Sederhana (2.34 - 3.66)	63	48.5		
Tinggi (3.67 - 5.00)	67	51.5		
Sikap Tingkah Laku Seksual				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.90	.290
Sederhana (2.34 - 3.66)	12	9.2		
Tinggi (3.67 - 5.00)	118	90.8		

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden menyatakan populariti rakan sebaya adalah di tahap tinggi iaitu sebanyak 86.2% (112 orang). Manakala 13.8% (18 orang) responden menyatakan tahap populariti rakan sebaya adalah sederhana. Dapatan kajian ini selari dengan Hsieh (2016) yang menyatakan bahawa seseorang remaja cenderung untuk mengikut tingkah laku rakan sebaya yang mempunyai persamaan dalam aspek minat tingkah laku yang sama serta popular yang dilihat boleh memberi kesan atau mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan remaja terutamanya dalam aktiviti kehidupan seharian.

Bagi tahap estim diri, 67 orang responden (51.5%) mempunyai tahap estim diri yang tinggi, diikuti 63 orang (48.5%) mempunyai tahap estim diri yang sederhana. Kajian di Barat juga jelas membuktikan bahawa estim diri adalah merupakan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku seksual belia (Owringi, Yousliani, dan Zarnaghash, 2011).

Seterusnya bagi tahap sikap tingkah laku seksual, skor min pemboleh ubah adalah 2.90 manakala sisihan piawai pula adalah sebanyak .290. Keputusan kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap sikap tingkah laku seksual yang tinggi sebelum mengandung iaitu sebanyak 90.8% (118 orang), diikuti pula seramai 9.2% (12 orang) mempunyai tahap yang sederhana.

Analisis Inferensi

Jadual 3 menunjukkan perkaitan di antara populariti rakan sebaya, estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Keputusan menunjukkan analisis kolerasi *Pearson* bagi populariti rakan sebaya menunjukkan perkaitan signifikan ($r = .801$, $p < .05$).

Penemuan di atas disokong oleh hasil temu bual bersama remaja hamil luar nikah yang mengukur aspek populariti rakan sebaya;

"Budak ni sebut nama semua orang dah kenal. Bila kawan dengan budak-budak yang ponteng sekolah, dah terikut-ikut dan dia pun ajak "jom la kita ponteng"." (Responden 23)

"Sorang tu 3 tahun. Dah lama dah kenal. Macam yang lain tu macam kapel seminggu dua minggu lepastu dia ajak. Saya tengok orang, saya pun nak jugak. Keinginan tu adala kadang-kadang. Tak selalu, kadang-kadang jela... Tapi saya tahan jela. Bapak cakap bagi kawin balik ni tapi tak tahula". (Responden 1).

"Di sekolah trademark kumpulan adalah penting. Selalu kalau kita nak masuk geng tu...kita perlu ikut apa semua diorang buat. Pakaian, style, couple semualahh mesti semua sama jerr" (Responden 16).

Melalui kenyataan di atas adalah didapati faktor populariti rakan sebaya adalah merupakan salah satu faktor utama terhadap pembentukan sikap tingkah laku seksual. Bermula dengan niat untuk diterima oleh kelompok rakan sebaya, remaja meniru perlakuan dan perbuatan rakan sebaya selari dengan ciri-ciri yang telah dipersetujui oleh kelompok tersebut. Dapatan kajian oleh Fearon, Wiggins, Pettifor & Hargreaves, (2015) selari dengan dapatan kajian ini di mana remaja terdorong mengikut aktiviti yang dilakukan oleh kelompok rakan sebaya seperti terlibat dengan pergaulan seks bebas, berparti liar dan mengambil bahan terlarang seperti dadah dan sebagainya agar dapat diterima oleh kumpulan rakan sebaya serta dianggap popular dalam kalangan kelompok remaja yang lain.

Jadual 3 juga menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara estim diri dengan sikap tingkah laku seksual serta kekuatan hubungan adalah tinggi ($r = .708$, $p < .05$). Dapatan di atas selari dengan dapatan kajian oleh Findley (2013) yang menyatakan estim diri merupakan salah satu aspek dalaman yang penting dalam perkembangan sikap dan tingkah laku belia. Kajian lalu juga membuktikan remaja yang memiliki estim diri yang tinggi cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku seksual kerana belia berkecenderungan tinggi untuk mempunyai keberanian serta ingin meningkatkan penilaian diri melalui penerimaan serta kasih sayang yang diberi oleh pasangan (Brassard, Dupuy, Bergeron, dan Shaver, 2015).


Jadual 3 : Nilai Mean, Sisihan Piawai dan Korelasi

	Mean	Sisihan Piawai	1	2
1. Sikap Tingkah Laku Seksual	87.17	8.51		
2. Populariti Rakan Sebaya	68.45	11.68	.801**	
3. Estim Diri	36.79	4.32		.708**

Bagi menguji analisis pengantara, pengkaji telah menggunakan konsep pengujian dicadangkan oleh Baron & Kenny (1986) yang telah digunakan oleh ramai pengkaji selama lebih 40 tahun. Menurut

Kenny (2014), ujian pengantara (mediator) boleh dilakukan dengan membuat anggaran koefisien yang berasingan melalui tiga persamaan regresi. Pertama, dengan meregresikan variabel bebas terhadap variabel bersandar ($\hat{c}$). Kedua, dengan meregresikan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah pengantara (a). Ketiga, dengan meregresikan pemboleh ubah pengantara terhadap pemboleh ubah bersandar (b).

Analisis *bootstrapping* ke atas produk ab^* telah dilakukan melalui perisian PROCESS for SPSS (Model 4: Hayes 2013). Dengan menjana sampel sebanyak 10 000, bukti kehadiran pengantara ditunjukkan melalui nilai 95% *bias-corrected bootstrap confident interval* (CI) iaitu pengaruh tidak langsung (produk $a*b$) dikatakan signifikan apabila nilai antara *Lower Limit CI* (LLCI) dan *Upper Limit CI* (ULCI) tidak mengandungi nilai kosong. Keputusan analisis bootstrapping mendapati pengaruh tidak langsung populariti rakan sebaya ke atas sikap tingkah laku seksual melalui pengantara estim diri adalah signifikan ($estimate = .157$; LLCI = .153; ULCI = .452). Dapatan kajian ini mencadangkan estim diri merupakan pengantara dalam hubungan antara populariti rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual. Model pengaruh tidak langsung populariti rakan sebaya ke atas sikap tingkah laku seksual diringkaskan dalam Rajah 1.



Nota : * $p < .05$; ** $p < .01$; 95% *bias-corrected bootstrap CI* ($estimate = .157$; $SE = .155$; [LLCI = .153; ULCI = .452]); nilai dalam kurungan = *unstandardized coefficients*

Rajah 1 : Pengaruh Pengantara Estim Diri Ke Atas Populariti Rakan Sebaya dan Sikap Tingkah Laku Seksual

Dapatan kajian ini selari dengan kajian lalu yang membuktikan populariti rakan sebaya akan meningkatkan estim diri remaja serta menimbulkan perasaan dihargai dan diterima menjadikan salah satu indikator terhadap pengaruh kepada tingkah laku seksual (Lansford, Dodge, Fontaine, Bates, dan Pettit, 2014). Kajian menunjukkan bahawa faktor risiko seperti penerimaan oleh kelompok rakan sebaya mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap tingkah laku seksual. Kajian juga menunjukkan bahawa apabila remaja dan kelompok rakan sebaya mempunyai banyak ciri-ciri kesamaan dalam pelbagai dimensi, akhirnya akan meningkatkan perasaan dihargai dan diterima oleh rakan sebaya (De Bruyn dan Van Den Boom, 2005). Sehubungan itu salah satu sumbangan kajian ini adalah dapat membuktikan bahawa estim diri berperanan sebagai pengantara dengan sikap tingkah laku seksual. Dapatan kajian juga membuktikan pengaruh rakan sebaya melalui sub skala populariti rakan sebaya merupakan faktor risiko bagi remaja dalam mempengaruhi sikap tingkah laku seksual. Trend masa kini membuktikan remaja terlalu mudah dipengaruhi oleh pengaruh rakan sebaya melalui aspek populariti serta tekanan daripada rakan sebaya adalah bermatlamatkan untuk mendapatkan status sosial yang sama dengan kelompok rakan sebaya yang dipilih.

Kesimpulan

Kajian ini mengaplikasikan Model Bioekologi (Bronfenbrenner & Ceci, 1994) dalam menjelaskan perkembangan dan pembentukan sikap tingkah laku seksual melalui interaksi timbal balas individu dengan komponen yang terdekat (mikrosistem) serta pengaruh daripada komponen yang lebih jauh (mesosistem, ekosistem dan makrosistem). Sehubungan itu, kajian ini memberikan maklumat yang terperinci berkenaan etiologi dan perkembangan sikap tingkah laku seksual, faktor dalaman dan faktor

luaran yang mempengaruhi proses pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Kajian ini menekankan kepada perspektif perkembangan untuk memahami dan menjelaskan perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, tekanan dan populariti rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan diri yang mempengaruhi perkembangan sikap terhadap tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah. Oleh kerana tingkah laku seksual merupakan fenomena perkembangan yang berkaitan kombinasi kecenderungan biologi kanak-kanak dan pola peristiwa dan transisi masa yang berlaku dalam persekitaran individu, maka idea Model Bioekologi sangat relevan dan bertepatan dalam memberi gambaran dengan lebih terperinci bagaimana pengaruh multi sistem, perubahan perkembangan individu (biologi dan psikologi) dan transisi masa memberi impak kepada sikap tingkah laku seksual.

Penjelasan daripada Model Bioekologi ini meningkatkan kefahaman dari segi konteks budaya masyarakat Malaysia khasnya dalam mempengaruhi sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menjelaskan perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak, tekanan dan populariti rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan diri dengan sikap tingkah laku seksual berlaku. Perhubungan yang diuraikan membolehkan kajian ini dapat menjawab persoalan ‘apakah prediktor unik’ yang meramal kepada sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Seterusnya melalui dapatan kajian ini menuntut kepada pihak yang berwajib untuk mengatur program dan intervensi yang bersifat pencegahan, perlindungan, pemulihan dan integrasi dalam mengatasi fenomena tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia. Selain itu program sokongan daripada komuniti termasuk rakan sebaya serta aplikasi intervensi dalam bidang psikologi dan kaunseling khasnya kepada Pegawai Psikologi di seluruh Malaysia perlu diperkasakan lagi.

Terdapat beberapa implikasi yang penting dapat dikupas melalui dapatan kajian ini mengenai sikap tingkah laku seksual melalui faktor populariti rakan sebaya serta estim diri. Remaja cenderung memilih rakan sebaya sebagai sumber rujukan utama dalam pembinaan sikap dan tingkah laku (Boardman, Allsworth, Phipps & Lapane, 2006). Bahkan remaja milenium menghadapi masalah untuk berkongsi masalah peribadi dengan ibu bapa akibat daripada wujudnya lompang generasi yang sangat berbeza (Mims & Biordi, 2001). Maka salah satu pendekatan yang boleh dilaksanakan adalah dengan memperkasakan pelaksanaan program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Program Pementoran di sekolah-sekolah yang memfokuskan kepada program penghargaan sendiri, pengurusan emosi, pengawalan sendiri dan pengurusan tingkah laku berisiko terhadap remaja-remaja yang berisiko tinggi terlibat dengan masalah tingkah laku seksual (Siti Marhamah, Khaidzir Ismail, Hanina Halimatussaadiah Hamsan & Zaki Ibrahim (2012).

Selain itu Garis Panduan Pengendalian Masalah Kesihatan Seksual dan Reproduktif Remaja di Klinik Kesihatan yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di perkasa dan diperluaskan ke segenap masyarakat dan dijadikan sebagai salah satu modul pendidikan sepanjang hayat. Selain itu adalah diharapkan melalui dapatan kajian ini Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksual Lelaki bagi remaja lelaki yang berusia 16 tahun ke atas yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2016 dapat pula menjadi asas terhadap penyediaan modul pendidikan khas untuk remaja perempuan. Kajian ini juga melihat pengupayaan peranan komuniti perlu ditambah baik dalam membantu, melindungi, mencegah serta prihatin terhadap tingkah laku remaja sekeliling daripada terjebak dengan fenomena negatif. Komuniti tradisional Malaysia perlu diamalkan kembali di mana konsep “ambil tahu” mengenai anak jiran dilihat amat penting dalam meningkatkan sokongan sosial dalam melindungi remaja dari terjebak dengan gejala sosial.

Dapatan kajian ini menunjukkan rakan sebaya dan ibu bapa merupakan dua komponen terpenting yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku remaja hamil luar nikah. Sehubungan itu hasil yang diperoleh dapat membantu pemberi perkhidmatan khususnya Pegawai Psikologi untuk memberi fokus kepada faktor ini dalam program-program pencegahan, perkembangan dan pemulihan tingkah laku seksual berisiko. Panduan-panduan yang diberikan boleh dimanfaatkan dan dapat meningkatkan kemahiran pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran interpersonal dalam penyampaian perkhidmatan yang

lebih berkesan. Selain itu antara cadangan dalam dapatan kajian ini menunjukkan keperluan Pegawai Psikologi untuk dibekalkan dengan kemahiran yang mendalam bagi membantu remaja yang mengalami ketagihan seksual memandangkan kecenderungan ke arah sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah telah dibuktikan.

Dapatan kajian ini mengesahkan serta menolak dapatan kajian lalu berkenaan sikap tingkah laku seksual. Sehubungan itu, beberapa cadangan diutarakan dengan tujuan untuk kajian lanjutan di masa hadapan. Antaranya adalah, kajian lanjutan hendaklah dengan memilih institusi-institusi yang berada di Sabah dan Sarawak sebagai tempat dan responden kajian. Bilangan sampel ujian statistik yang lebih besar akan membantu untuk mendapatkan keputusan kajian yang lebih relatif. Selain itu, adalah disyorkan agar kajian secara longitudinal sekurang-kurangnya dalam tempoh 6 bulan dengan remaja hamil luar nikah dijalankan bagi melihat sejauh mana sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah sebelum dan selepas melahirkan bayi. Selain itu penggunaan kaedah penulisan diari adalah merupakan salah satu kaedah yang boleh diaplikasikan untuk kajian akan datang dalam memahami dengan lebih mendalam berkenaan sikap tingkah laku seksual mereka. Kaedah-kaedah ini akan memperkayakan lagi dapatan kajian serta dapat meningkatkan maklumat intervensi yang bersesuaian dalam merawat tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Selain itu, kajian lanjutan berkaitan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah berasaskan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) mampu memberi penjelasan tambahan dalam memahami sikap terhadap tingkah laku seksual.

Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini menunjukkan populariti rakan sebaya mempunyai hubungan dengan sikap tingkah laku seksual melalui peranan estim diri sebagai pengantara. Pengaruh daripada aspek populariti rakan sebaya yang tinggi dalam bertingkah laku seksual akan meningkatkan estim diri remaja seterusnya menyumbang kepada perkembangan/penanaman sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia.

Rujukan

- Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Akhir, N. M., Mohamad, M. S., & Nordin, N. M. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 131-140.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 1173-1182.
- Basen-Engquist, K., & Parcel, G. S. (1992). Attitudes, norms, and self-efficacy: A model of adolescents' HIV-related sexual risk behavior. *Health education quarterly*, 19(2), 263-277.
- Boardman, L. A., Allsworth, J., Phipps, M. G., & Lapane, K. L. (2006). Risk factors for unintended versus intended rapid repeat pregnancies among adolescents. *Journal of Adolescent Health*, 39(4), 594-600.
- Brassard, A., Dupuy, E., Bergeron, S., & Shaver, P. R. (2015). Attachment insecurities and women's sexual function and satisfaction: The mediating roles of sexual self-esteem, sexual anxiety, and sexual assertiveness. *The Journal of Sex Research*, 52(1), 110-119.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal of cross-cultural psychology*, 1(3), 185-216.
- Bronfenbrenner, U., & Ceci, S. J. (1994). Nature-nurture reconceptualized in developmental perspective: A bioecological model. *Psychological review*, 101(4), 568-586.
- Burns, R. (1990). *Introduction To Research Methods In Education*. Melbourne Australia: Longman Cheshire Pty.Ltd.
- Cherie, A., & Berhane, Y. (2012). Peer pressure is the prime driver of risky sexual behaviors among school adolescents in Addis Ababa, Ethiopia. *World Journal of AIDS*, 2, 159-164.
- Chua Yan Piau (2006). *Kaedah penyelidikan*. Malaysia:Mc-Graw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Collier, J. (2009). The rising proportion of repeat teenage pregnancies in young women presenting for termination of pregnancy from 1991 to 2007. *Contraception*, 79(5), 393-6.
- Coleman, J. C., & Hendry, L. B. (1999). *The nature of adolescence*. Third edition. New York: Psychology Press.

- De Bruyn, E. H., & Van Den Boom, D. C. (2005). Interpersonal behavior, peer popularity, and self-esteem in early adolescence. *Social Development*, 14(4), 555-573.
- Dicine, M. E., Com, T. H. E., & Ity, M. U. N. (2010). Predictors of sexual intercourse and rapid-repeat pregnancy among teenage mothers: an Australian prospective longitudinal study, 193(6) 143-156.
- Eggleston, E., Jackson, J., & Hardee, K. (1999). Sexual attitudes and behavior among young adolescents in Jamaica. *International Family Planning Perspectives*, 78-91.
- Fauwaz Hasbullah (2016). "Seksualiti Remaja : Isu dan Cabaran Keluarga di Malaysia. Seminar Isu-isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016. 19 Mac 2016.
- Fearon, E., Wiggins, R. D., Pettifor, A. E., & Hargreaves, J. R. (2015). Is the sexual behaviour of young people in sub-Saharan Africa influenced by their peers? A Systematic Review. *Social Science & Medicine*, 146, 62-74.
- Findley, D., "Self-Concept Clarity and Self-Esteem in Adolescence: Associations with Psychological, Behavioral, and Academic Adjustment" (2013). Theses Dissertations.
- Hanina Halimatusaadia Hamsan. (2010). *Belia berisiko : profil, faktor penyebab dan intervensi*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Harden, K. P. (2014). A sex-positive framework for research on adolescent sexuality. *Perspectives on Psychological Science*, 9(5), 455-469.
- Hayes, A.F. 2013. *Introduction to Mediation, Moderation, and Conditional Process Analysis: A Regression-Based Approach*. New York: The Guilford Press.
- Hendrick, C., Hendrick, S. S., & Reich, D. A. (2006). The brief sexual attitudes scale. *Journal of Sex Research*, 43(1), 76-86.
- Hsieh, H. F., Zimmerman, M. A., Bauermeister, J. A., Caldwell, C. H., Xue, Y., Wang, Z., & Hou, Y. (2016). Cumulative risks and promotive factors for Chinese adolescent problem behaviors. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 43, 71-82.
- Isaac, S. & Michael, W. B. (1995). *Handbook in Research and Evaluation*. (EdITS., Ed.). San Diego.
- Jaccard, J., Dittus, P. J., & Gordon, V. V. (1998). Parent-adolescent congruency in reports of adolescent sexual behavior and in communications about sexual behavior. *Child Development*, 69(1), 247-261.
- Jaccard, J., Dittus, P. J., & Gordon, V. V. (2000). Parent-teen communication about premarital sex: factors associated with the extent of communication. *Journal of Adolescent Research*, 15(2), 187-208.
- Johnson, B., dan Christensen, L. (2004). *Educational Research: Quantitative, Qualitative, And Mixed Approaches* (2nd Ed.). Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Kementerian Belia & Sukan (2015). *Dasar Belia Malaysia 2015*. Malaysia: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lansford, J. E., Dodge, K. A., Fontaine, R. G., Bates, J. E., & Pettit, G. S. (2014). Peer rejection, affiliation with deviant peers, delinquency, and risky sexual behavior. *Journal of Youth and Adolescence*, 43(10), 1742-1751.
- Leigh, W. A., & Andrews, J. L. (2002). *Peer influence on sexual behavior: what we know about African American teens*. Joint Center for Political and Economic Studies, Washington, DC, USA.
- Mahirah Binti Masdin & Balan Rathakrishnan (2014). Pembentangan kertas kerja "Hubungan di antara sikap ke atas seksual, norma subjektif ibu bapa dan efikasi sendiri dengan tingkah laku menjaga kehormatan seksual dalam kalangan remaja perempuan". Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. 11 Disember 2014.
- Miller, B. C., McCoy, J. K., Olson, T. D., & Wallace, C. M. (1986). Parental discipline and control attempts in relation to adolescent sexual attitudes and behavior. *Journal of Marriage and the Family*, 503-512.
- Mims, B., & Biordi, D. L. (2001). Communication patterns in African-American families with adolescent mothers of single or repeat pregnancies. *Journal National Black Nurses Association*, 12(1), 34-41.

- Owringi, A., Yousliani, G., & Zarnaghash, M. (2011). The relationship between the desired disciplinary behavior and family functioning locus of control and self esteem among high school students in cities of tehran province. *Social and Behavioral Sciences*, 30, 2438–2448.
- Pfitzner, M. a, Hoff, C., & McElligott, K. (2003). Predictors of Repeat Pregnancy in a Program for Pregnant Teens. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology*, 16(2), 77–81.
- Rigsby, D. C., Macones, G. a., & Driscoll, D. a. (1998). Risk Factors for Rapid Repeat Pregnancy Among Adolescent Mothers: A Review of the Literature. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology*, 11(3), 115–126.
- Rosenberg. (1965). *The adolescent self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Sanchez, D., Whittaker, T. A., & Hamilton, E. (2016). Perceived discrimination, peer influence and sexual behaviors in Mexican American Preadolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 1–17.
- Santor, D. A., Messervey, D., & Kusumakar, V. (2000). Measuring peer pressure, popularity, and conformity in adolescent boys and girls: Predicting school performance, sexual attitudes, and substance abuse. *Journal of youth and adolescence*, 29(2), 163-182.
- Santrock, J.W. 2008. *Life-Span Development*. 11th edition. New York: Mc Graw-Hill.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* (4 Ed.). New York: John Wiley and Sons Inc.
- Siti Marhamah, Khaidzir Ismail, Hanina Halimatussaadiah Hamsan & Zaki Ibrahim (2012). Faktor risiko dan pelindung terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 23–33.
- Steinberg, L. 2007. *Adolescence* (8th Edition). New York: McGraw-Hill.
- Waggoner, M. R., Lanzi, R. G., & Klerman, L. V. (2012). Pregnancy intentions, long-acting contraceptive use, and rapid subsequent pregnancies among adolescent and adult first-time mothers. *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing* 25(2), 96–104.